LAMPIRAN II

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN, PENAMBAHBAIKAN DAN PENYENGGARAAN LAMAN WEB/PORTAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembangunan laman web/portal, pemakaian nama domain dan tadbir urus laman web/portal bagi menyelaras aktiviti pembangunan, penambahbaikan dan penyenggaraan laman web/portal bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

LATARBELAKANG

2. KKM telah melaksanakan pelbagai usaha kearah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kepada pelanggan. Laman web/portal merupakan diantara saluran didalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKM kepada orang ramai. Melalui laman web/portal, KKM dapat memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi(ICT) kearah menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan telus.

3. Portal KKM merupakan salah satu inisiatif KKM untuk meningkatkan penyampaian perkhdmatan kerajaan. Laman web KKM mula dibangunkan pada tahun 2000 dan telah dipertingkatkan kepada Portal KKM pada tahun 2005. Sebahagian besar laman web/portal bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik telah pun dirangkaikan di dalam Portal KKM. Portal KKM boleh dicapai melalui domain www.moh.gov.my .

KAEDAH PEMBANGUNAN LAMAN WEB

4. Tiga (3) kaedah di dalam pembangunan laman web/portal KKM adalah seperti berikut:

(a) BTMK adalah bertanggungjawab di atas pembangunan, penambahbaikan dan tadbir urus Portal rasmi KKM.

(b) Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik adalah bertanggungjawab bagi pembangunan, penambahbaikan dan penyenggaraan laman web/portal masing-masing. Walau bagaimanapun bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik yang ingin membangunkan atau melakukan penambahbaikan laman web/portal hendaklah mendapatkan khidmat nasihat dan persetujuan dari BTMK.

(c) Semua capaian kepada aplikasi web Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan / hospital/klinik mestilah melalui Portal KKM. Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik adalah bertanggungjawab di dalam memastikan web /portal yang dibangunkan berfungsi dan tiada *broken links*.

Pihak BTMK pula bertanggungjawab di dalam memastikan capaian kepada Portal KKM terjamin setiap masa (24 jam X 7 hari) . BTMK juga bertanggungjawab di atas penyelarasan dan integrasi di antara aplikasi web Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik dan Portal KKM.

PEMAKAIAN NAMA DOMAIN

5. Domain bagi Portal KKM adalah *www.moh.gov.my*.

6. Semua laman web/portal yang dibangunkan oleh Bahagian/jabatan negeri/ institut kesihatan/hospital/klinik hendaklah dihoskan di dalam pelayan web KKM dengan menggunakan nama domain yang ditetapkan oleh BTMK.

7. Sekiranya laman web/portal dihoskan di luar daripada pelayan web KKM maka Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik tersebut mestilah memastikan nama domain tersebut di dalam format <namabahagian.moh.gov.my>
Contoh: dph.moh.gov.my.

8. Bagi agensi yang melaksanakan web-hosting hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan. Sila rujuk Dokumen Dasar Keselamatan ICT KKM versi 1.0.

TADBIR URUS LAMAN WEB

9. Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik hendaklah memastikan kandungan laman web/portal tersebut adalah sentiasa kemaskini, tepat dan sahih serta tidak bercanggah dengan hala tuju Kementerian. Adalah menjadi tanggungjawab semua Penyelaras Web dan Content Providers untuk memastikan perkara tersebut dilaksanakan.

10. Penyelaras Web dan *Content Providers* mestilah dilantik secara rasmi oleh Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik dan dimaklumkan kepada BTMK.

10.1 Tanggung jawab Penyelaras Laman Web/Portal adalah seperti berikut:

- Memastikan kandungan laman web/portal adalah sentiasa kemaskini, tepat dan sahih
- Menyemak dan memastikan tiada *broken links* di dalam laman web/portal
- Menyelaras maklumat yang disediakan oleh *content providers* sebelum dimasukkan ke dalam laman web/portal
- Memaklumkan kepada BTMK sekiranya terdapat isu/masalah mengenai laman web /portal masing-masing

10.2 Penyelaras Web dibekalkan dengan kata laluan yang digunakan untuk mengakses server utama Portal KKM. Oleh itu, Penyelaras Web hendaklah sentiasa memastikan kerahsiaan kata laluan tersebut dalam keadaan yang selamat. Di antara langkah yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- Kata laluan mesti ditukarkan dengan segera sebaik sahaja melakukan log masuk pada kali pertama.
- Kata laluan mesti ditukarkan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau satu tempoh yang wajar.

10.3. *Content Provider* merupakan individu atau kumpulan yang bertanggungjawab memberi kandungan untuk dimasukkan ke dalam laman web/portal. Mereka adalah bertanggungjawab di dalam memastikan maklumat dibekalkan adalah tepat, kemaskini dan sahih serta tidak bercanggah dengan hala tuju Kementerian.

10.4. Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik mestilah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengendalikan laman web/portal masing-masing. Jawatankuasa ini merangkumi Penyelaras Web dan *Content Providers* di mana bertanggungjawab untuk memastikan laman web/portal yang dibangunkan mengandungi maklumat yang kemaskini, tepat dan sahih serta tidak bercanggah dengan hala tuju Kementerian. Struktur jawatankuasa adalah seperti yang gambarajah di bawah.



Rajah 1: Struktur Jawatankuasa Laman Web/Portal

PENUTUP

11. Semua Bahagian/jabatan negeri/institut kesihatan/hospital/klinik hendaklah mematuhi garis panduan ini didalam membangun dan menyenggara laman web/portal masing-masing.